

## NOTA PANDUAN PENGISIAN BORANG CP58

**(PENYATA BAYARAN INSENTIF BERBENTUK WANG TUNAI DAN BUKAN WANG TUNAI KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH TERTAKLUK KEPADA SEKSYEN 83A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967)**

### GUIDE NOTES ON FILLING OUT FORM CP58

**(STATEMENT OF MONETARY AND NON-MONETARY INCENTIVE PAYMENT TO AN AGENT, DEALER OR DISTRIBUTOR PURSUANT TO SECTION 83A OF THE INCOME TAX ACT 1967)**

RUANG / ITEM	PERKARA / SUBJECT	KETERANGAN / EXPLANATION										
<b>BAHAGIAN A / PART A: MAKLUMAT SYARIKAT PEMBAYAR / PAYER COMPANY'S PARTICULARS</b>												
1.	<b>Nama / Name</b>	Isikan nama syarikat pembayar. <i>Enter the name of the payer company.</i>										
2.	<b>Alamat / Address</b>	Isikan alamat syarikat pembayar. <i>Enter the address of the payer company.</i>										
3.	<b>No. Rujukan (No. Pendaftaran) / Reference No. (Registration No.)</b>	Nombor pendaftaran. <i>Registration number.</i>										
4.	<b>No. Cukai Pendapatan / Income Tax No.</b>	Nombor rujukan cukai pendapatan syarikat pembayar. <i>Contoh: C 250236501</i> Income tax reference number of the payer company. <i>Example: C 250236501</i>										
		<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding: 2px;">C</td> <td style="padding: 2px;">2</td> <td style="padding: 2px;">5</td> <td style="padding: 2px;">0</td> <td style="padding: 2px;">2</td> <td style="padding: 2px;">3</td> <td style="padding: 2px;">6</td> <td style="padding: 2px;">5</td> <td style="padding: 2px;">0</td> <td style="padding: 2px;">1</td> </tr> </table>	C	2	5	0	2	3	6	5	0	1
C	2	5	0	2	3	6	5	0	1			
<b>BAHAGIAN B / PART B: MAKLUMAT PENERIMA / RECIPIENT'S PARTICULARS</b>												
<p>Maksud ejen, pengedar atau pengagih adalah mana-mana orang yang dilantik secara bertulis atau lisan, dan syarikat pembayar membuat bayaran insentif kepada ejen, pengedar atau pengagih atas jualan produk / perkhidmatan yang dilakukan bagi pihak syarikat pembayar.</p> <p><i>An agent, dealer or distributor means any person appointed in writing or verbally, and the incentive payment is made by the payer company to the agent, dealer or distributor for products / services sold on its behalf.</i></p>												
1.	<b>Nama / Name</b>	(a) <b>Individu / Individual</b> Nama seperti di kad pengenalan atau pasport. <i>Name as per identity card or passport.</i>										
		(b) <b>Selain daripada individu / Other than individual</b> selain individu termasuk syarikat / persatuan / koperasi/ PLT/ perkongsian. <i>other than individual included company / society / co-operative / LLP / partnership.</i>										
2.	<b>Alamat / Address</b>	(a) <b>Individu / Individual</b> Isikan alamat kediaman ejen, pengedar atau pengagih. <i>Enter the residential address of the agent, dealer or distributor.</i>										
		(b) <b>Selain daripada individu / Other than individual</b> Isikan alamat mel / berdaftar / premis perniagaan. <i>Enter the mailing / registered / business premise address.</i>										
3.	<b>No. Pendaftaran / Kad Pengenalan / Polis / Tentera / Pasport</b> <i>Registration / Identity Card / Police / Army / Passport No.</i>	(a) <b>Individu / Individual</b> Isikan nombor kad pengenalan baru / lama, polis, tentera atau pasport (bagi bukan warganegara Malaysia). <i>Enter the new / old identity card, police, army or passport (for non-Malaysian citizen) number.</i>										
		(b) <b>Selain daripada individu / Other than individual</b> Isikan nombor pendaftaran. <i>Enter the registration number.</i>										

RUANG / ITEM	PERKARA / SUBJECT	KETERANGAN / EXPLANATION												
4.	<b>No. Cukai Pendapatan / Income Tax No.</b>	<p>Isikan C, C1, TN, PT, SG, OG, D, TP, TJ atau TF di petak yang berkenaan, dan diikuti dengan nombor cukai pendapatan di petak yang disediakan.  <i>Contoh:</i> OG 10234567080</p> <p><i>Enter C, C1, TN, PT, SG, OG, D, TP, TJ or TF in the relevant box, followed by the income tax number in the boxes provided.</i></p> <p><i>Example:</i> OG 10234567080</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>O</td><td>G</td><td>1</td><td>0</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td><td>6</td><td>7</td><td>8</td><td>0</td> </tr> </table> <p>Syarikat pembayar adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan nombor cukai pendapatan daripada setiap ejen, pengedar atau pengagih. Sekiranya tiada no. cukai pendapatan, sila kosongkan ruangan ini.</p> <p><i>The payer company is responsible for obtaining the income tax number of every agent, dealer or distributor. Leave this item blank if there is no income tax number.</i></p>	O	G	1	0	2	3	4	5	6	7	8	0
O	G	1	0	2	3	4	5	6	7	8	0			
5.	<b>Mastautin di Malaysia / Resident in Malaysia</b>	<p>(a) <b>Individu / Individual</b>            Seperti yang diterangkan di dalam Ketetapan Umum No. 6/2011 bertarikh 16 Mei 2011.  <i>As explained in Public Ruling No. 6/2011 dated 16 May 2011.</i></p> <p>(b) <b>Syarikat / Badan Orang / Company / Body of Persons</b>            Seperti yang diterangkan di dalam Ketetapan Umum No. 5/2011 bertarikh 16 Mei 2011.  <i>As explained in Public Ruling No. 5/2011 dated 16 May 2011.</i></p>												
<b>BAHAGIAN C / PART C: MAKLUMAT BAYARAN INSENTIF / PARTICULARS OF INCENTIVE PAYMENT</b>														
1.	<b>Nilai insentif berbentuk wang tunai / Value of monetary incentive</b>	<p>(a) <b>Komisen / bonus / Commission / bonus</b>            Bayaran berdasarkan kepada pencapaian prestasi jualan produk atau perkhidmatan oleh ejen, pengedar atau pengagih, sama ada yang ditetapkan di dalam kontrak ataupun tidak.  <i>Payment based on performance achieved by the agent, dealer or distributor in the sale of products or services, whether stipulated in the contract or otherwise.</i></p> <p>(b) <b>Lain-lain / Others (Sila nyatakan / Please specify)</b>            Bayaran tunai selain daripada komisen / bonus seperti insentif, subsidi, diskauan, baucar tunai, baucar bayaran, cek, interbank Giro (IBG), kredit prabayar, E-money, ansuran tunai ke atas insentif yang diterima dalam bentuk barangan seperti kenderaan, rumah, perabot dan komputer; serta dalam bentuk bayaran seperti sewa, rebat, bayaran bil-bil utiliti dan seumpamanya yang diterima berdasarkan pencapaian prestasi jualan produk atau perkhidmatan oleh ejen, pengedar atau pengagih.  <i>Monetary payment of other than commission / bonus for example incentives, subsidies, discounts, cash vouchers, cash instalments of incentive received in the form of goods such as vehicle, house, furniture and computer; as well as in payment form such as rent, rebates, paid utility bills and other similar receipts based on performance achieved in the sale of products or services by the agent, dealer or distributor.</i></p>												
2.	<b>Nilai insentif berbentuk bukan wang tunai / Value of non-monetary incentive</b>	<p>(a) <b>Kenderaan / Vehicle</b>            Nilai / amaun sebenar yang dibelanjakan oleh syarikat pembayar semasa kenderaan diterima oleh ejen, pengedar atau pengagih.  <i>Actual value / amount incurred by the payer company when the vehicle is received by the agent, dealer or distributor.</i></p>												

**(b) Rumah / House**

Nilai / amaun sebenar yang dibelanjakan oleh syarikat pembayar semasa rumah diterima oleh ejen, pengedar atau pengagih.

*Actual value / amount incurred by the payer company when the house is received by the agent, dealer or distributor.*

(Rumah adalah merujuk kepada rumah kediaman seperti banglo, rumah berkembar, rumah teres, kondominium, rumah pangsa, pangsapuri, pangsapuri perkhidmatan, rumah kedai dan bangunan-bangunan lain).

RUANG / ITEM	PERKARA / SUBJECT	KETERANGAN / EXPLANATION
		<p>(House refers to a residential house such as bungalow, semi-detached house, terrace house, condominium, flat, apartment, service apartment, shophouse and other buildings.)</p>
		<p>(c) <b>Pakej pelancongan / perjalanan / Tour / travel package</b></p> <p>(i) Nilai pakej penuh yang terdiri daripada tiket perjalanan, penginapan, <i>ground tour</i>, makanan dan minuman; atau  <i>Value of a full package consisting of travel tickets, accommodation, ground tour, food and drinks; or</i></p> <p>(ii) Nilai bagi – / <i>Value of –</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tiket perjalanan; / <i>travel tickets</i>;</li> <li>• penginapan; / <i>accommodation</i>;</li> <li>• <i>ground tour</i>;</li> <li>• makanan dan minuman; atau / <i>food and drinks</i>; or</li> <li>• mana-mana kombinasi insentif di atas. / <i>any combination of the above incentives</i>.</li> </ul>
		<p>(d) <b>Lain-lain / Others</b>  <b>(Sila nyatakan / Please specify)</b></p> <p>Bayaran berbentuk bukan wang tunai selain daripada (a), (b) dan (c) yang diterima berdasarkan pencapaian prestasi jualan produk atau perkhidmatan oleh ejen, pengedar atau pengagih.</p> <p><i>Non-monetary payment of other than (a), (b) and (c) received on the basis of performance achieved by the agent, dealer or distributor in the sale of products or services.</i></p>
3.	<b>Pengiraan Potongan Cukai 2% dikenakan 2% Tax deduction calculation imposed</b>	<p>(a) Potongan cukai 2% dikenakan dalam tahun semasa kepada ejen, pengedar atau pengagih yang menerima bayaran daripada syarikat pembayar yang melebihi nilai ambang dalam tahun sebelumnya.</p> <p><i>A 2% tax deduction is imposed in the current year on the agent, dealer or distributor that receive payments from payer companies that are equal to or exceed the threshold value in the previous year.</i></p> <p>(b) Nilai ambang adalah ditetapkan pada amaun RM100,000 meliputi jumlah bayaran tunai dan bukan tunai yang diterima dalam tahun sebelumnya.</p> <p><i>The threshold value is amounted RM100,000.00 covers the total monetary and non-monetary incentives received in the previous year.</i></p> <p>(c) Contoh: Ejen A menerima komisen (tunai dan bukan tunai) berjumlah RM 190,000 dalam tahun 2021. Komisen yang diterima oleh Ejen A dalam tahun 2022 berjumlah RM90,000 iaitu tunai RM50,000 dan bukan tunai RM40,000.</p> <p><i>Example: Agent A receives a commission (monetary and non-monetary) amounting to RM 190,000 in 2021. The commission received by Agent A in 2022 amounts to RM90,000 which is RM50,000 monetary and RM40,000 non-monetary</i></p> <p>Layanan cukai :</p> <p>Oleh kerana komisen diterima dalam tahun 2021 berjumlah RM190,000, telah melebihi nilai ambang RM100,000, maka bagi tahun 2022, komisen (tunai) yang diterima perlu dikenakan potongan cukai 2%.</p> <p>Pengiraan Potongan Cukai 2% dikenakan tahun 2022:</p> <p><math>RM50,000 \times 2\% = RM1,000</math></p> <p><i>Tax treatment:</i></p> <p><i>Since the commission received in 2021 amounting to RM190,000, has exceeded the threshold value of RM100,000, then for 2022, the commission (monetary) received will be subject to 2% tax deduction.</i></p> <p><i>Calculation of 2 % tax Deduction applicable in 2022:</i></p> <p><math>RM50,000 \times 2\% = RM1,000</math></p>

**BAHAGIAN D / PART D: AKUAN PEMBAYAR / PAYER'S DECLARATION**

Pengakuan ini hendaklah dibuat oleh pemegang jawatan dalam syarikat pembayar selaras dengan peruntukan ACP 1967.  
*This declaration must be made by a designated officer of the payer company pursuant to ITA 1967.*

**PERINGATAN / REMINDER**

1.	Apa-apa bayaran sebagai gantian kepada insentif yang diterima juga merupakan insentif yang perlu dilaporkan mengikut <b>Bahagian C</b> yang dinyatakan di atas. Contohnya: Paket penuh pelancongan yang digantikan dalam bentuk wang tunai kepada ejen, pengedar hendaklah dilaporkan di dalam <b>ruang 1(b) Bahagian C</b> . <i>Any payment made as a substitute for the incentive received is also an incentive which has to be reported accordingly in <b>Part C</b> as mentioned above. Example: A full tour package substituted for cash payment to the agent, dealer or distributor must be reported in <b>item 1(b) Part C</b>.</i>
2.	Syarikat pembayar boleh merujuk kepada Ketetapan Umum No. 5/2011 dan 6/2011 bertarikh 16 Mei 2011 jika bayaran insentif dibuat kepada ejen, pengedar atau pengagih yang bukan pemastautin di Malaysia bagi menentukan layanan cukai ke atas penerima insentif tersebut. <i>If the incentive is paid to an agent, dealer or distributor who is not resident in Malaysia, the payer company may refer to Public Rulings No. 5/2011 and 6/2011 dated 16 May 2011 to determine the tax treatment of the recipient of the incentive.</i>
3.	Sekiranya syarikat pembayar memilih untuk menghantar Borang CP58 melalui media elektronik, ia hendaklah memastikan bahawa Borang CP58 yang dihantar kepada ejen, pengedar atau pengagih adalah sama seperti dengan Borang CP58 yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). <i>If the payer company elects to furnish Form CP58 via electronic medium, it must ensure that the Form CP58 furnished to its agents, dealers or distributors is the same as the Form CP58 prescribed by the Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM).</i>
4.	Salinan asal <b>Borang CP58</b> ( <i>hardcopy</i> atau <i>softcopy</i> ) hendaklah disimpan oleh syarikat pembayar bagi tempoh tujuh (7) tahun dari akhir tahun kalendar dalam mana bayaran insentif itu dibayar kepada ejen, pengedar atau pengagih untuk tujuan rujukan dan semakan oleh LHDNM. <i>The original copy of the <b>Form CP58</b> (<i>hardcopy</i> or <i>softcopy</i>) must be retained by the payer company for a period of seven (7) years from the end of the calendar year in which the incentive is paid to the agent, dealer or distributor for the purpose of reference and examination by IRBM.</i>
5.	Jika diperlukan, syarikat pembayar boleh diminta supaya mengemukakan maklumat penerima dan bayaran insentif mengikut <a href="#"><u>garis panduan pengemukaan maklumat CP58</u></a> yang ditetapkan oleh LHDNM. <i>If required, a payer company may be requested to furnish the particulars of recipients and incentive payments in accordance with the <a href="#"><u>guideline on submission of CP58 information</u></a> stipulated by IRBM.</i>
6.	Ejen, pengedar atau pengagih hendaklah melaporkan semua bayaran insentif yang diterima di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan masing-masing. <i>Agents, dealers or distributors must report all incentive payments received in their respective Income Tax Return Form.</i>